

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 4 TAHUN 1983

PAJAKAN (LEASE) TANAH-TANAH DALAM KAWASAN RIZAB MELAYU

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pemungut Hasil Tanah tentang tafsiran Seksyen 7 dan 13A(1)(c) Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930 yang diberi oleh Peguam Negara.

2. Mengikut amalan pada masa-masa yang lepas bila satu-satu tanah kepunyaan Orang Melayu atau Seorang Bukan Melayu dalam Kaawasan Simpanan Melayu hendak diberi pajak (lease) tindakan telah diambil bagaimana berikut :-
 - (a) Pajakan (Lease) di dalam jangkamasa tempoh tidak lebih daripada 3 tahun memerlukan kelulusan di bawah Seksyen 7(iii) Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930.
 - (b) Sekiranya pajakan (Lease) itu hendak diberi dalam jangkamasa yang lebih daripada 3 tahun maka tuan tanah hendaklah menyerahkan balik tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan memberimilik tanah-tanah tersebut kepada pemajak (lease) dengan cara pajakan selama 33,66 atau 99 tahun. Selepas luput tempoh ini tanah itu akan menjadi Tanah Kerajaan.

3. Masalah ini telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dan soal yang dikemukakan adalah bagaimana berikut :-

- (i) Bolehkah tanah-tanah yang diberimilik di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 diberi pajak (lease) kepada Seorang atau Badan Bukan Melayu di dalam jangkamasa lebih daripada 3 tahun berpandu kepada larangan atau sekatan di bawah Seksyen 7 (iii).

- (ii) Peguam Negara telah memberi pandangan bahawa tanah-tanah yang diberimilik mengikut Seksyen 13A kepada Orang-Orang atau Badan Bukan Melayu boleh diberi pajak dalam jangkamasa lebih daripada 3 tahun sungguhpun ada sekatan atau larangan di bawah Seksyen 7 (iii). Alasan ini adalah berpandu kepada Seksyen 13A(i) (c) Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930 yang memperuntukan bahawa Raja di dalam Mesyuarat boleh meluluskan “Transfer or transmission of any reservation land acquired by virtue of this section, by any person not being a Malay, to any person not being a Malay”. Seterusnya beliau berpendapat bahawa pajakan termasuk di dalam rangkaian kata “transfer or transmission of land” kerana sekiranya dikatakan sebaliknya akan membawa akibat yang ganjil, iaitu Tanah Rizab Melayu yang dimiliki oleh Orang Bukan Melayu boleh dijual tetapi tidak boleh dipajak kepada Orang atau Badan Bukan Melayu dengan kebenaran Raja Di Dalam Mesyuarat.

Salinan pendapat Peguam Negara adalah bagaimana **Lampiran ‘A’**. Pendapat ini telah pun dimaklumkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan mengikut Kertas Bil. 4/146/83/(38) bertarikh 2.3.1983.

4. Dengan adanya fatua daripada Jabatan Peguam Negara ini maka Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengambil tindakan berikut sekiranya menerima permohonan hendak memajak (lease) tanah dalam Kawasan Rizab Melayu kepada Seorang atau Sebuah Badan Bukan Melayu :-

- (1) Sekiranya tempoh pajakan bagi tanah-tanah bandar itu lebih daripada 3 tahun maka permohonan hendaklah dikemukakan mengikut Seksyen 7(iii).
- (2) Andainya tempoh pajakan itu di dalam jangkamasa lebih daripada 3 tahun maka permohonan itu hendaklah dikemukakan mengikut Seksyen 13A(i) (c).

Sayugia dinyatakan disini bahawa mengikut Seksyen 221 Kanun Tanah Negara seseorang tuan tanah boleh memajak satu-satu tanah itu selama :-

- (a) Tidak lebih daripada 99 tahun sekiranya pajakan itu merangkumi semua tanah tersebut (Whole any alienated land) – (Seksyen 221(3) (6)).
 - (b) Tidak lebih daripada 30 tahun sekiranya pajakan itu merangkumi hanya sebahagian daripada tanah tersebut (A part only of any alienated land Seksyen 221 (3) (6)).
5. Pekeliling (semasa itu dipanggil pengedaran) Pejabat ini Bil. 1/66 kini dibatalkan.

t.t
(Md. Hussin Bin Hassan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KOTA BHARU : 14hb. Mac 1983.

KEPADA :

Semua Pemungut Hasil Tanah,
KELANTAN. (Dan PPHT Jajahan Kecil Jeli).

SALINAN KEPADA :

Yang Berhormat
Dato' Setiausaha Kerajaan
Kelantan
KOTA BHARU

(UP : Bahagian Perkhidmatan 3 salinan).

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri,
Kelantan.
KOTA BHARU

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang
Negeri Kelantan
KOTA BHARU

YBrs. Setiausaha Sulit,
Dato' Menteri Besar
Kelantan.
KOTA BHARU

[PTG. (KN.) 10/80/(22)]

KERTAS BIL: 4/146/83(38) SALINAN

JABATAN PEGUAM NEGARA SULIT
KUALA LUMPUR.
BERDAFTAR

Ref.Tuan*26) dlm.P.U.KN 360
Ref.Kami PN.0.136/10(29)
Tarikh: 3hb.Januari, 1983.

Encik Abdul Hanmid bin Haji Mohamed,
Penasihat Undang-undang Negeri,
Kelantan,
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri,
Kota Bharu,
Kelantan.

Tuan,

The Malay Reservation Enactment 1930(Kelantan)

Saya adalah dengan hormatnya merujuk kepada surat-surat tuan yang bertarikh 3hb.Oktober, 1982 dan 19hb. Jun 1982. di dalam pendapat tuan yang berlampir dengan surat tuan yang bertarikh 19hb. Jun 1982, tuan telah menyatakan fakta yang menimbulkan masalah perundangan seperti berikut:-

“Tanah di dalam kawasan rizab melayu telah diambil balik (acquired) oleh Pihak Berkuasa Negeri. Tanah itu kemudiannya diberi milik kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), bukan seorang melayu mengikut Seksyen 3(1), the Malay Reservation Enactment, 1930(Kelantan). Pemberian hak milik itu telah dibuat mengikut Seksyen 134 enakmen. PKINK telah membina bangunan-bangunan kilang di atas itu. PKINK kini bercadang untuk memajakkan (lease) tanah dan kilang-kilang itu kepada syarikat-syarikat bukan melayu.”

2. Under the Kelantan Malay Reservation Enactment 1930, section 7 prohibits the right or interest of any Malay in Reservation land from being transferred to, transmitted to or vested in any person not being a Malay, except as provided in subsections (ii) to (v) of the section. All dealings or disposals of reservation land contrary to the provisions of the Enactment are null and void[section 12(i)]. Section 13A of the Enactment, however, provides an exception to section 7. Under subsection (i) of this section the Ruler in Council may approve.

- (a) the alienation of any State Land included in a Malay Reservation,
- (b) the transfer or transmission of the right or interest of any Malay in reservation land, and
- (c) the transfer or transmission of any reservation land acquired by virtue of this section, by any person not being a Malay.

to the other person not being a malay.

3. I agree with you that PKINK may lease the land in question to companies not owned by Malays under paragraph (c) of subsection (i) of section 13A. It is true that paragraph (c) refers to transfer or transmission and does not mention the world lease. It is submitted that if the Ruler of Council has the power to approve the transfer or transmission of any Malay reservation land, it is also implied that the ruler in Council has the power to approve the lease of the land in question. This view is supported by the provisions of paragraph (b) subsection (i) of the same section whereby the Ruler in Council may approve the transfer or transmission of the right or interest of any Malay in reservation land. It is clear that this paragraph is intended not only to transfer the title but also to permit the land to be leased to a non-malay.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(DR ZAKARIA BIN MOHD YATIM),
Peguamcara Negara Malaysia

SULIT